

# Gerhana tanda kekuasaan Allah ke atas peraturan alam



ePaper Pelita Brunei



**SEMBAHYANG Sunat Gerhana Matahari Berjemaah** diimamkan oleh Pegawai Ugama Kanan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh, di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang turut dihadiri oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama bersama Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai Kanan dan kakitangan KHEU juga penduduk sekitarnya (kiri). Sementara gambar kanan, khutbah khas disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Aziz bin Haji Abdullah.

**Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 21 Jun. - Gerhana merupakan suatu kejadian yang memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya, sepertimana terjadinya siang dan malam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umat Islam supaya melakukan perkara-perkara yang

berkebiasaan seperti berdoa, berzikir, bersembahyang, bersedekah dan beristighfar apabila berlakunya gerhana.

Perkara tersebut adalah antara inti pati kandungan khutbah khas mengenai fenomena gerhana matahari yang berlaku di negara ini, pada hari ini.

Semasa menyampaikan khutbah khas berkenaan, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Aziz bin Haji Abdullah, turut menyentuh semasa berlakunya gerhana, umat Islam seharusnya menjadikannya satu iktibar dan pengajaran untuk meningkatkan kesedaran diri supaya

selalu ingat akan kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon ampun kepada-Nya dan bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan.

Terdahulu, Sembahyang Sunat Gerhana Matahari Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Ugama Kanan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh, yang bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Menyertai para jemaah untuk menunaikan sembahyang tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji

Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Berikutan fenomena tersebut, seluruh masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Matahari.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai Kanan dan kakitangan KHEU serta penduduk sekitarnya.

## Tak lepas peluang saksi gerhana matahari separa

**KIARONG**, Ahad, 21 Jun. - Kejadian gerhana merupakan antara tanda-tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang mentadbir seluruh alam.

Di samping itu, gerhana juga adalah satu ibadat kerana kita dianjurkan melakukan perkara-perkara yang berkebiasaan, bersyukur atas kurnia itu dengan melakukan sembahyang, bersedekah, berzikir, berdoa serta menjauhkan daripada melakukan perkara-perkara mungkar, maksiat serta perbuatan syirik.

Pada hari ini, penduduk Negara Brunei Darussalam berpeluang untuk menyaksikan gerhana matahari separa. Peristiwa astronomi ini bermula pada jam 3.10 petang dan berakhir pada jam 5.23 petang. Gerhana matahari berlaku apabila bulan berada sejajar di antara matahari dan bumi. Semasa gerhana separa, cakera bulan tidak akan meliputi matahari sepenuhnya.

Sesi pencerapan gerhana petang tadi diadakan di kediaman Awang Haji Azri bin Haji Ibrahim, ahli Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD).

Fenomena gerhana matahari separa itu berlangsung selama 2 jam 13 minit, di mana sepanjang fenomena ini, bulan akan menutupi sebahagian kecil matahari. Ketika puncak gerhana, iaitu pada jam 4.22 petang, hampir 28 peratus matahari akan ditutupi oleh bulan.

Orang ramai yang ingin melihat fenomena ini, adalah dinasihatkan agar tidak melihat matahari secara terus. Beberapa kaedah yang selamat

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hamzah Mohidin**

untuk melihat matahari, antaranya dengan menggunakan kaca mata kimpalan (*welding glass*) nombor 14, penapis suria dan projeksi dengan teleskop.

Bersempena dengan fenomena ini, PABD dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menganjurkan perbincangan secara dalam talian melalui Facebook Live, yang bertajuk, 'Bincang Santai Astronomi : Fenomena Gerhana Matahari'.

Sesi pencerapan gerhana matahari juga dibawakan secara langsung dalam talian dari beberapa buah lokasi terpilih di keempat-empat daerah oleh PABD.

Penganjuran program tersebut di negara ini juga merupakan kolaborasi projek 'MY-East Asia Universe Awareness Solar Eclipse (MY-EAUNIVASE)' dan di bawah jaringan kerjasama 'International Astronomical Union (IAU) National Outreach Coordinator' yang melibatkan sembilan buah negara di Asia Timur.

Fenomena yang sama juga dijangka akan berlaku lagi di negara ini pada Khamis, 20 April 2023.

ORANG ramai yang ingin melihat fenomena tersebut adalah dinasihatkan agar tidak melihat matahari secara terus dan menggunakan kaca mata kimpalan (*welding glass*) nombor 14, penapis suria dan projeksi dengan teleskop.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**GERHANA MATAHARI, BULAN ADALAH BUKTI-BUKTI, TANDA-TANDA KEBESARAN ALLAH**

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam